

# SOLUSI

PANDUAN  
HIDUP  
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) | • MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No.

47

## Ramadan, Syawal dan Obesiti

Abu Hurairah melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: "Pada hari kiamat akan datang seorang yang berbadan besar lagi gemuk. Namun, di sisi Allah timbangannya tidak dapat melebihi berat sayap seekor nyamuk." Sewajarnya, makanan yang banyak akan menghasilkan tenaga dan stamina yang tinggi untuk ibadah. Namun kenapa sifirnya tidak pernah begitu?

Selanjutnya di hlm. 96

### > Surat Cinta Buat Para Pemimpin

hlm. 12

### > Kaji Sebelum Caci

hlm. 70

### > Umpama Berpuasa Sepanjang Tahun

hlm. 68

### > Mengenal Hati

hlm. 85

Nafsu hanya suka pada makanan yang lazat. Akal suka pada makanan yang berzat, tetapi hati suka pada makanan yang berkat. Yang mana penyubur iman?

# LAZAT BERZAT BERKAT



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS  
(Incorporated in Malaysia)

RM 10.00 (SEM)  
RM 12.00 (S/S)  
SGD 7.50  
BND 7.50  
USD 10.00  
EUR 8.00  
IDR 35,000.00  
AUD 7.50

ISSN 1985-5400



TELAGA BIRU SDN. BHD.



Imbas kod  
untuk ke  
Facebook  
Majalah  
Solusi

Sebuah  
terbitan





# RANTAIAN DOSA

## Hadiah, Hibah, Ghulul dan Rasuah

Tiada perbezaan antara hibah dengan hadiah dalam bahasa Melayu. Namun, keduanya mempunyai sedikit perbezaan dalam pengertian dalam bahasa Arab. Berdasarkan perbincangan para ulama fiqh, ia dinyatakan seperti berikut:

"**Hadiah** adalah sesuatu harta yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang kedua-duanya saling mengenali dan rapat antara satu sama lain sama ada keluarga, rakan atau saudara. Atas sebab itu, disebutkan dalam al-Quran yang bermaksud:

'Itulah petunjuk Allah yang dihidayahkan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya

daripada kalangan hamba-Nya.' (*Surah al-An'am* 6: 88)

Ia membawa pengertian bahawa Allah amat dekat dengan hamba-Nya dan pemberian hidayah itu juga membawa maksud pemberian atas tujuan untuk berkasih sayang.

**Hibah** pula sesuatu harta yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain dalam keadaan pemberi tidaklah mempunyai hubungan yang rapat dengan penerima atau mengenalinya dengan dekat. Maksud pemberian hibah pula tidak semestinya dengan tujuan kasih sayang, tetapi untuk mendapatkan sesuatu manfaat kepada penerima sahaja."

### Hubungan Rasuah dengan Hadiah

Rasuah didefinisikan oleh Imam al-Jurjani sebagai: "Apa-apa yang diberikan bagi membatalkan kebenaran dan membenarkan yang salah."

Ibn al-Arabi al-Maliki pula menyatakan rasuah sebagai: "Harta yang dibayar

kepada mereka yang berpengaruh bagi mendapatkan bantuan atas perkara yang tidak halal."

Rasuah merangkumi semua jenis harta yang diberikan kepada seseorang yang mempunyai kuasa pemutus dan pengaruh dalam sesuatu organisasi, badan dan seumpamanya yang boleh memudahkan pencapaian kepentingan si pemberi sama ada yang ditagih itu benar atau salah, atau satu bentuk tindakan membuat atau menghalang.

Manakala kaitan hadiah atau hibah dengan rasuah hanya berkaitan umum dengan khusus. Semua rasuah akan datang dalam bentuk hadiah dan hibah, namun tidak semua hadiah dan hibah itu rasuah, contohnya:

- Pemberian seorang rakan kepada sahabatnya yang **tiada jawatan** tertentu ialah hadiah dan hibah serta bukan rasuah.
- Pemberian seseorang kepada seorang pegawai **berjawatan** tertentu sebagai imbuhan membantu menyiapkan sesuatu kerja yang diinginkan ialah rasuah dan bukan hadiah.

Terdapat sebuah hadis yang menggambarkan kemarahan Baginda s.a.w. terhadap Ibn al-Lutbiyyah apabila dia ditugaskan memungut zakat dan jizyah, namun ketika dia pulang dan ingin menyerahkan hasil kutipan terkumpul kepada Rasulullah, dia berkata: "Ini (pungutan zakat dan jizyah) utukmu dan ini hadiah utukku."

Wajah Baginda s.a.w. kelihatan marah, selepas itu Baginda memberikan khutbah kepada para sahabat yang bermaksud: "Mengapa dia tidak duduk di rumah ibu bapanya dan lihat sama ada mereka memberikan hadiah kepadanya ataupun tidak."



Mendapat ijazah B.A Usuluddin (UM), M.A (Fiqh dan Usul Fiqh) dari Universiti al-Yarmouk, Jordan dan PhD (Islamic Finance) dari University of Wales, UK. Mendapat ijazah ilmiyyah dari Dr. Yusuf al-Qaradawi. Antara guru beliau, Sheikh Dr. Abd Sattar Abu Chuddah dan Sheikh Muhammad Uqlah. Kini sebagai Penolong Profesor di UIAM, Ahli Lembaga Pengarah al-Nagly Islamic Solution Sdn. Bhd., Ahli Majlis, Institut Perbankan & Kewangan Islam UIAM, Penasihat Syariah bagi Al-Rajhi Bank, ACR Retakaful Bahrain, Yasmin Holdings dan beberapa syarikat korporat di Malaysia. Layari [www.zaharuddin.net](http://www.zaharuddin.net)

DR. ZAHARUDDIN ABD. RAHMAN



Imam al-Khattabi semasa mengulas hadis ini berkata: "Ini satu dalil bahawa pemberian hadiah atau hibah kepada pekerja kerana jawatan mereka adalah hasil kotor dan ia bukan seperti hadiah-hadiah lain yang diharuskan, seperti yang diberikan untuk mengukuhkan ukhuwah dan kasih sayang. Tetapi dalam kes rasuah, hadiah diberikan untuk mendapatkan hasrat di hati pemberi dan itu adalah salah satu daripada jenis khianat (*ghulul*)."

Hal yang hampir sama ditegaskan oleh Imam al-Ghazali yang mengatakan: "Setiap hadiah yang diberikan kepada seseorang kerana sesuatu jawatan kehakiman, kerajaan dan lain-lain daripada kerja-kerja pembesar dan pembuat dasar atau polisi. Jika bukan kerana jawatan itu, nescaya tidak diberi hadiah tersebut. Maka, itulah rasuah yang diberi menggunakan atas nama hadiah."

Imam al-Shawkani meluaskan lagi takrif penerima rasuah kepada bukan sahaja mereka yang berjawatan besar dan pemegang polisi, malah pegawai-pegawai kecil yang mempunyai kuasa untuk membawa sesuatu dokumen kepada orang yang berjawatan besar. Hadiah kepada mereka yang mempercepatkan urusan juga adalah rasuah khususnya apabila ia menafikan hak orang lain yang sepatutnya didahulukan.

### Konsep Ghulul

Allah berfirman, maksudnya: "Tidak mungkin seorang nabi (disangkakan) berkhianat dalam urusan harta rampasan perang. Sesiapa yang berkhianat dalam urusan rampasan perang itu, maka pada hari kiamat dia akan datang membawa apa yang dikhianatinya itu; kemudian tiap-tiap seorang akan diberi pembalasan tentang apa yang dia lakukan dengan (pembalasan) setimpal, sedang mereka tidak dianiaya." (*Surah Ali 'Imran* 3: 161)

*Ghulul* atau wang khianat ertinya apa-apa yang diambil oleh seseorang yang bukan haknya, diambil secara sembunyi tanpa dilihat orang sama ada harta rampasan perang (pada zaman silam) atau harta orang lain, atau merampas sesuatu yang bukan haknya.

Rasulullah pernah menegaskan, maksudnya: "Janganlah mengambil harta secara *ghulul*, sesungguhnya *ghulul* itu neraka dan keaiban terhadap pelakunya di dunia dan akhirat." (Riwayat Abu Daud dan al-Nasa'i)

Dalam konteks semasa, "*ghulul*" atau "*ghalul*" boleh berlaku apabila:

a. Menteri atau pemimpin yang memberikan kontrak kerajaan kepada syarikat kontraktor serta mensyaratkan 10% komisen atas semua tender atau kontrak yang diluluskan oleh kementeriannya.

## "Semuanya sudah aku sampaikan kepadamu..."

Perkara yang ingin dijelaskan ialah jenis *ghulul* yang dihuraikan oleh ulama daripada kategori mengambil harta orang lain secara sembunyi atau terbuka.

Daripada Abu Hurairah: "Rasulullah berdiri bersama-sama kami dan Baginda bercerita berkenaan harta *ghulul* dan menghuraikan besarnya dosa itu. Kemudian Baginda bersabda yang bermaksud: "Pada hari kiamat nanti, aku akan bertemu dengan seorang daripada kamu yang datang dengan memikul seekor unta yang lenguh di atas tengkuknya. Dia berkata: 'Wahai Rasulullah, tolonglah aku.' Lalu aku katakan kepadanya: 'Aku sudah tidak mempunyai apa-apa lagi untukmu, semuanya telah aku sampaikan kepadamu.'

Pada hari kiamat nanti, aku juga akan bertemu dengan seorang daripada kamu yang datang dengan memikul seekor kuda dan sedang merengok di atas tengkuknya. Dia berkata: 'Wahai Rasulullah, tolonglah aku.' Lalu aku katakan kepadanya: 'Aku sudah tidak mempunyai apa-apa lagi untukmu, semuanya sudah aku sampaikan kepadamu.'

Seterusnya, aku akan bertemu dengan seorang daripada kamu yang datang dengan memikul seekor kambing yang sedang mengembek di atas tengkuknya pada hari kiamat nanti. Dia berkata: 'Wahai Rasulullah, tolonglah aku.' Maka aku katakan kepadanya: 'Aku sudah tidak mempunyai apa-apa untukmu, semuanya sudah aku sampaikan kepadamu.'

Begitu juga pada hari kiamat nanti, aku akan bertemu dengan seorang daripada kamu yang datang dengan memikul seorang manusia yang sedang menjerit di atas tengkuknya. Dia berkata: 'Wahai Rasulullah, tolonglah aku.' Lalu aku katakan kepadanya: 'Aku sudah tidak mempunyai apa-apa untukmu, semuanya sudah aku sampaikan kepadamu.'

Aku juga akan bertemu dengan seorang daripada kamu yang datang dengan membawa secebis pakaian yang compang-camping di atas tengkuknya pada hari kiamat nanti, lalu dia berkata: 'Wahai Rasulullah, tolonglah aku.' Maka aku katakan kepadanya: 'Aku sudah tidak mempunyai apa-apa untukmu, semuanya sudah aku sampaikan kepadamu.'

Aku akan bertemu pada hari kiamat nanti dengan seorang daripada kamu yang datang dengan memikul sejumlah harta emas dan perak di atas tengkuknya dan berkata: 'Wahai Rasulullah! Tolonglah aku.' Maka aku katakan kepadanya: 'Aku sudah tidak mempunyai apa-apa untukmu, semuanya telah aku sampaikan kepadamu.'" (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Mari sama-sama kita beringat dengan penuh mendalam dalam hati, jiwa serta iman bahawa semua jenis harta dalam amanah kita yang diambil secara sembunyi secara tidak halal ini akan diletakkan atas tengkuk masing-masing di akhirat kelak dan ketika itu sebarang permohonan bantuan dan syafaat daripada Nabi s.a.w. akan ditolak.

Bayangkan manusia yang penuh dengan *ghulul* akan menanggung kereta, rumah, tanah, komputer, wang dan lebih teruk lagi mungkin ada yang dihiahiwan "wanita-wanita" di atas tengkuk mereka sebagai ganjaran komisen. Lebih membimbangkan lagi apabila yang kecil akan menjadi besar kerana *ghulul* adalah daripada kategori dosa besar. Na'uzubillah.

Komisen jenis ini juga boleh termasuk dalam takrif rasuah.

b. Pegawai kerajaan yang mengambil komisen yang hampir sama, namun lebih kecil daripada pihak kontraktor.

c. Pegawai kerajaan menggunakan peruntukan kerajaan untuk urusan orang awam bagi manfaat dirinya sendiri.

d. Pekerja awam dan swasta menggunakan harta awam dan syarikat untuk kepentingan sendiri tanpa membayar semula kos yang tidak diperuntukkan untuknya secara hak seperti kereta, duit, malah item-item yang kelihatan kecil seperti komputer, fotostat, mencetak kertas, telefon dan lain-lainnya.

e. Termasuk dalam bentuk *ghulul*

adalah sesiapa yang meluaskan saiz tanah mereka secara salah, memasukkan tanah orang lain sebagai bahagian tanahnya, serta menggunakan tanah orang lain untuk mengaut keuntungan daripadanya tanpa izin. Begitu juga menggunakan karya orang lain untuk dirinya tanpa hak.

Nabi s.a.w. menegaskan yang bermaksud: "Sesiapa yang rohnya berpisah daripadanya (mati), sedangkan dia bebas daripada tiga perkara, dia akan masuk syurga. Itulah *ghalul*, *kibr* (besar diri) dan hutang." (Riwayat Ahmad dan al-Tirmizi)

Sempena bulan yang mulia ini, mari kita bermuhasabah dan membersihkan diri daripada harta dan amalan *ghulul*. ■